

18/08/1998

Terpulang kepada Singapura

KOTA KINABALU, Isnin - Malaysia tidak mengharap bantuan jiran khususnya Singapura tetapi terserah kepada negara itu jika mahu menghulurkan bantuan.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata seperti yang sering dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia akan berusaha sendiri untuk memulihkan ekonominya.

"Malaysia akan menggunakan semua sumber, kemudahan dan kekuatan yang ada untuk memulihkan masalah ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas pulang selepas mengadakan lawatan kerja tiga hari di Kota Kinabalu, Semporna dan Tawau.

Menurutnya, negara menikmati kestabilan politik dan mempunyai kerajaan yang ada komitmen kuat untuk memulihkan ekonomi.

Beliau berkata, jika Singapura menawarkan bantuan terpulang kepada negara itu untuk menunaikan janjinya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang menyatakan Malaysia dan Indonesia tidak memahami negara itu.

Lee juga menyatakan kedua-dua negara itu gagal memahami masalah Singapura yang juga tidak mampu menghulurkan bantuan.

Mengenai isu pemindahan pusat Kastam, Imigresen dan Kurantin (KIK) Malaysia di Tanjong Pagar, katanya perkara itu bukan sesuatu yang menyusahkan Singapura.

"Sepatutnya isu itu tidak timbul dan kita juga tidak mengharapkan mereka meminta sesuatu lebih daripada apa yang kita mampu berikan.

"Seperti isu air, kita pun kena fikir apa keperluan kita," katanya.

Ditanya sama ada kenyataan Lee itu mengeruhkan lagi hubungan, beliau berkata, terpulang kepada rakyat.

(END)